

31/08/2002

Konvoi Jelajah Merdeka rentasi Sabah, Sarawak

Mohd Hamizar Hamid

PROGRAM Jelajah Merdeka 2002 anjuran Persatuan Wartawan Melayu (PWM) yang memulakan perjalanan ke Sarawak dan Sabah pada 19 Ogos lalu, menyaksikan peserta kontinjen disambut meriah di kedua-dua negeri itu.

Senario itu menunjukkan masyarakat seluruh negara kini mula sedar kepentingan menerapkan nilai dan semangat cintakan tanah air yang dizahirkan dengan amalan mengibarkan Jalur Gemilang setiap kali tiba Bulan Kemerdekaan.

Kontinjen Jelajah Merdeka 2002 yang diwakili Presiden dan sekretariat PWM, beberapa penunggang motosikal berkuasa tinggi serta wartawan, disambut dengan barisan 145 ahli Kelab Motosikal Berkuasa Tinggi Victoria Arms Big, Kuching setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.

Semangat yang ditunjukkan anak muda yang menunggang motosikal dengan membawa Jalur Gemilang mengelilingi bandar raya Kuching, menepis tanggapan negatif yang sering ditujukan kepada mereka.

Jika selama ini, penunggang motosikal berkuasa tinggi sering dikaitkan dengan perlakuan yang tidak disenangi orang ramai, keadaan jelas berbeza apabila melihat kumpulan itu membawa Jalur Gemilang menyusuri jalan raya.

Sepanjang perjalanan di Kuching orang ramai juga melambai ke arah konvoi bermotosikal yang membawa Jalur Gemilang menggambarkan sokongan mereka dengan program PWM.

Presiden PWM, Yazid Othman berkata, pemilihan motosikal sebagai kenderaan untuk menjelajah Malaysia bertujuan memberi peluang penunggang merasai kepayahan pemimpin dulu memperjuangkan kemerdekaan.

"Penunggang motosikal perlu mempunyai tahap disiplin yang tinggi terutama mematuhi arahan ketua (marshal) dalam setiap perjalanan mereka.

"Tidak boleh ada kesilapan walaupun sedikit kerana ia membawa kepada kemalangan," katanya.

Program itu mendapat kerjasama Jabatan Perdana Menteri (JPM); Kementerian Dalam Negeri (KDN); Kementerian Penerangan; Kementerian Belia dan Sukan; Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Program itu turut membabitkan jelajah Semenanjung sejauh 2,219 kilometer bermula di Dataran Shah Alam, Selangor pada 24 Ogos lalu.

Yazid yang juga Ketua Kontinjen Jelajah Merdeka 2002 berkata, kontinjen menyampaikan Jalur Gemilang serta deklarasi kemerdekaan untuk ditandatangani Ketua Menteri, Menteri Besar atau wakil kerajaan setiap negeri.

"Deklarasi yang ditandatangani itu diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sambutan Ambang Merdeka, malam 30 Ogos di Dataran Merdeka menjelang detik 12 malam," katanya.

Beliau berkata, program jelajah itu yang dimulakan sejak tahun lalu menjadi acara tahunan dan diadakan bagi meningkatkan semangat patriotisme dan mengeratkan perpaduan di kalangan masyarakat.

Peserta jelajah yang menerima Jalur Gemilang daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Dataran Merdeka sempena pelancaran Bulan Kemerdekaan, 17 Ogos lalu membawa bendera berkenaan menjelajah Malaysia.

"Program itu juga bertujuan meningkatkan semangat patriotik peserta, mengimbas kembali perjuangan menuntut kemerdekaan di samping dapat berhubung dengan masyarakat," katanya.

Beliau berkata, semangat patriotisme perlu dipupuk di kalangan masyarakat terutama golongan muda bagi memastikan kemerdekaan negara terus kekal sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara yang cemerlang.

Katanya, dengan segala kemajuan yang dicapai sejak kemerdekaan, generasi muda boleh memberi sumbangan lebih besar berbanding generasi terdahulu.

"Anak muda sekarang amat bertuah kerana banyak kemudahan yang boleh dinikmati. Saya percaya masa depan negara lebih aman, makmur dan maju kerana anak muda yang patriotik boleh memberi sumbangan lebih besar," katanya.

Sementara itu, Pengarah Projek Jelajah Merdeka 2002, Abdul Rahim Jusoh (J Rahim), berkata program yang dijalankan sejak tahun lalu mendapat sambutan menggalakkan daripada ramai penunggang motosikal berkuasa tinggi yang ingin menyertai konvoi berkenaan.

"Secara amnya, semua penunggang motosikal berkuasa tinggi di Sarawak dan Sabah yang menyertai konvoi menjelajah kedua-dua negeri itu dipilih secara automatik menjadi ahli Program Jelajah Merdeka yang akan diadakan setiap tahun.

"Bagaimanapun, beberapa siri ceramah diadakan sebelum penunggang motosikal berkuasa tinggi memulakan penjelajahan bagi memastikan semua penunggang mendapat maklumat terperinci mengenai keselamatan semasa menunggang," katanya.